

ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002

**BAHAGIAN IV - PENALTI DAN PERUNTUKAN PELBAGAI YANG BERHUBUNGAN DENGAN AKAD
NIKAH DAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN**

Seksyen 42. Membetulkan kesilapan.

- (1) Jika Pendaftar berpuas hati melalui akuan berkanun atau selainnya bahawa mana-mana catatan yang berhubungan dengan sesuatu perkahwinan adalah silap pada bentuk atau isinya, dia boleh, di hadapan orang-orang yang bernikah itu, atau, jika mereka tidak ada, di hadapan dua orang saksi yang boleh dipercayai, membetulkan kesilapan itu dengan memotong catatan itu dan membuat catatan yang betul dan dia hendaklah sesudah itu menyebabkan catatan dalam Daftar Perkahwinan tempatan dibetulkan mengikut cara yang sama.
 - (2) Pendaftar hendaklah menandatangani dan mentarikhkan pembedulan yang dibuat dalam perakuan nikah itu dan dalam Daftar Perkahwinan tempatan itu.
 - (3) Tiap-tiap catatan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah diaku saksi oleh saksi-saksi yang di hadapannya catatan itu telah dibuat.
 - (4) Suatu salinan pembedulan yang diperakui hendaklah dihantar dengan segera kepada Ketua Pendaftar supaya suatu pembedulan yang serupa dibuat dalam Daftar Perkahwinannya.
-